

RISALAH MAKLUMAT PRODUK

Pelanggan yang dihargai,

Risalah Maklumat Produk (RMP) ini memberikan maklumat utama mengenai pembiayaan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga perlu membacanya.**



Tarikh:

1 Apa itu Bumiputera Expansion and Catalyst Fund-i (BECF-i)?

- Kemudahan pembiayaan yang direka untuk menyokong syarikat Bumiputera dalam meningkatkan pertumbuhan serta mengembangkan kapasiti operasi mereka.
- Jumlah pembiayaan maksimum sehingga RM10,000,000.
- Kemudahan yang ditawarkan adalah bagi tujuan pengambilalihan asset dan/atau modal kerja.
- Kadar Keuntungan Berkesan (EPR) dikenakan berdasarkan kadar tetap.
- Tersedia dalam bentuk Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah-i (CMTF-i), Kemudahan Tunai-i (CL-i), Pertukaran Matawang Asing-i (PFX-i) dan Kemudahan Perdagangan-i (Tradelines-i)
- Tempoh pembiayaan: CMTF-i sehingga 7 tahun, CL-i sehingga 7 tahun, Tradelines-i tertakluk kepada permintaan.

Kontrak Syariah yang Terpakai

CMTF-i, CL-i dan Pembiayaan Invois-i (IF-i)	Murabahah (kos tambah keuntungan) melalui urus niaga Komoditi Murabahah / Tawarruq
PFX-i	Wa'd dan Bai' Al-Sarf
Tradelines-i	• Wakalah (Wakil) • Pesanan Pembelian Murabahah (MPO) • Bai' Dayn (Perdagangan Hutang) • Kafalah (Jaminan)

Sila rujuk **Lampiran** untuk definisi Kontrak Syariah.

2 Ketahui Tanggungjawab Anda

Bagi pembiayaan ini, sebagai ilustrasi:

- Jumlah pembiayaan anda: **RM 1,000,000**
- Ansuran bulanan anda: **RM 14,470.00**
- Tempoh pembiayaan anda: **7 tahun**
- Harga: **BFR + 2.00% setahun**

*Note:

- Kadar Pembiayaan Asas (BFR) = 6.40% setahun berkuat kuasa mulai 11 Julai 2025.
- Ansuran bulanan anda mungkin berubah sekiranya BFR berubah, namun tidak akan melebihi Harga Jualan Bank. Anda akan dimaklumkan sebelum sebarang perubahan dibuat.

Bagi pembiayaan ini, sebagai ilustrasi:

- Jumlah pembiayaan anda: **RM 100,000,000**
- Harga: ***BFR - 1.90% setahun**
- Jumlah digunakan (hari): **RM300,000** (10 hari), **RM400,000** (12 hari)
- Keuntungan harian: **RM369.86** (10 hari), **RM591.78** (12 hari)
- Keuntungan bulanan yang perlu dibayar: **RM961.64**

Bagi pembiayaan ini, sebagai ilustrasi:

- Nilai invois: **RM 100,000**
- Kadar keuntungan: **8.15% setahun (kadar tetap)**
- Tempoh: **60 days**
- Nilai muka / Harga jualan : **RM 101,339.73**

Anda juga perlu membayar **yuran dan caj** berikut:

- **Duti Setem:** Seperti yang ditetapkan di bawah Akta Setem 1949 (disemak semula 1989).
- **Yuran Dagangan:** RM15 bagi setiap RM1.0 juta daripada Amaun Kemudahan, atau amaun lain yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- **Yuran Jaminan SJPP:** Yuran jaminan sebanyak 1.00% setahun ke atas baki tertunggak, dan dimasukkan dalam EPR.
- **Yuran Pembatalan SJPP:** Yuran pembatalan sebanyak RM100 (ditambah cukai, jika berkenaan) akan dikenakan bagi setiap permohonan pembatalan, dan juga sekiranya kemudahan tidak digunakan dalam tempoh enam (6) bulan selepas kelulusan SJPP, yang mengakibatkan pembatalan.
- **Lebih dalam CL-i:** Berlaku apabila penggunaan melebihi had pengeluaran.
- **Cukai:** Tertakluk kepada semua cukai dan levi semasa dan akan datang seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang.
- **Yuran dan Caj Lain:** Termasuk kos guaman dan perbelanjaan bagi penyediaan dokumen serta bagi melindungi kepentingan Bank.

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Bayar ansuran bulanan anda tepat pada masanya dan dengan jumlah penuh bagi tempoh yang dipersetujui. Hubungi kami sekiranya anda berhasrat untuk menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.



Pastikan anda mampu **membayar ansuran yang lebih tinggi** sekiranya Kadar Dasar Semalaman (OPR) meningkat.



Sila **hubungi kami dengan segera** sekiranya anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

Apakah yang akan berlaku sekiranya anda gagal membayar ansuran bulanan anda?



Jika anda **lewat membuat bayaran**, caj sebanyak 1% setahun daripada bayaran tertunggak akan dikenakan. Bagi kemudahan pada Tarikh Matang/Keputusan Mahkamah (yang mana terdahulu), caj akan mengikut Pasaran Wang Antara Bank Islam (*Islamic Interbank Money Market*) ke atas baki tertunggak yang perlu dibayar. Caj tidak akan dikompaun.



Jika pembayaran **tertunggak** melebihi 3 bulan, kadar yang lebih tinggi (**Kadar Kemungkiran**) akan dikenakan selepas notis 21 hari kalendar. Kadar asal akan kembali terpakai apabila tempoh tunggakan dikurangkan kepada kurang daripada 3 bulan.



Kami boleh membuat **set-off** daripada mana-mana akaun anda dengan kami untuk menyelesaikan baki pembiayaan anda, selepas memberikan notis tujuh (7) hari kalendar.



Kami boleh menyita/merampas harta anda atau **mengambil tindakan undang-undang** terhadap anda.



Skor kredit anda mungkin terjejas, menjadikan lebih susah atau mahal untuk dapatkan pinjaman.

Ansuran bulanan anda mungkin meningkat sepanjang tempoh pembiayaan anda.

BFR mungkin meningkat disebabkan oleh kenaikan OPR yang ditetapkan oleh BNM. Kenaikan dalam BFR bermaksud anda perlu membayar ansuran bulanan yang lebih tinggi.

Contoh:
CMTF-i

Kadar	Kadar Semasa	↑ sebanyak 1%	↑ sebanyak 2%
Ansuran bulanan	RM 14,341.00	RM 14,859.00	RM 15,387.00
Jumlah kos keuntungan	RM 477,117.51	RM 528,798.27	RM 581,477.96
Jumlah bayaran	RM 1,477,117.51	RM 1,528,798.27	RM 1,581,447.9



Jika anda **selesaikan pembiayaan lebih awal**, anda hanya perlu bayar baki tertunggak, keuntungan semasa, dan amaun belum dibayar – tiada caj tambahan. Bank mungkin beri rebat (ibra') ke atas keuntungan, tetapi bukan bayaran tunai. Rebate diberi selepas pembiayaan dilunaskan sepenuhnya.



Personal Reducing Term Takaful (PRTT), Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT) dan Takaful Overdraft Protector Plus disyorkan sebagai perlindungan sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan pembiayaan anda:



Hubungi kami di
1-300-88-6688 (Malaysia),
603-78443696 (Luar Negara)



Kunjungi kami di
Cawangan Maybank/
Maybank Islamic



Emel kami di:
mgcc@maybank.com.my

Beritahu kami jika maklumat anda berubah supaya kami boleh menghubungi anda. Anda boleh kemas kini maklumat anda melalui saluran di atas.

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda melengkapkan bahagian ini sendiri dan memahami tujuan tandatangan anda.



Saya mengakui telah menerima satu salinan PDS daripada Maybank Islamic Berhad.



Saya telah membaca dan faham maklumat utama dalam PDS ini.

**Pengakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak menjejaskan haknya untuk membuat aduan sekiranya berlaku pertikaian berhubung terma dan syarat produk.*

[*Untuk Perkongsian/Perusahaan Milikan Tunggal] /
[*Untuk Syarikat]

Tandatangan Wakil yang Dibenarkan dan Cop Syarikat
Nama:
No K/P:
Tarikh: